

Transformasi Pekan Parit Raja impak terhadap landskap sosioekonomi dan kesejahteraan hidup masyarakat (*Transformations at Pekan Parit Raja impact towards socio economic landcape and community to quality of life*)

Open
Access

Haryati Shafii ^{1,*}, Nursyikin Miskam ¹

¹ Jabatan Pengurusan Pembinaan, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, 86400 Batu Pahat, Johor, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 10 January 2017

Received in revised form 14 February 2017

Accepted 15 February 2017

Available online 27 February 2017

ABSTRACT

Hubungan di antara manusia dengan alam sekitar wujud semenjak manusia dilahirkan lagi. Interaksi dalam keadaan terkawal biasanya tidak mewujudkan impak yang besar. Walau bagaimanapun, dalam keadaan yang keterlaluan, apa sahaja pembangunan yang dijalankan oleh manusia sudah pasti akan mendatangkan impak terhadap manusia dan persekitarannya. Transformasi merujuk kepada proses atau perubahan (sama ada tempat, ekonomi, pembangunan dan sebagainya) iaitu daripada satu keadaan yang mundur dan miskin berubah menjadi lebih baik dan membangun. Penulisan ini memfokuskan isu transformasi yang berlaku di Pekan Parit Raja, Johor yang telah membawa kepada perubahan terhadap landskap sosioekonomi dan kesejahteraan masyarakat. Matlamat kajian ini adalah untuk melihat kualiti hidup masyarakat, impak daripada transformasi yang berlaku di pekan ini yang merangkumi pertambahan fizikal, ekonomi dan sosial. Kajian ini telah menggunakan pendekatan kualitatif iaitu melalui temubual berstruktur dengan wakil dari Majlis Perbandaran Batu Pahat dan wakil komuniti. Kajian ini hanya menfokuskan kepada perkembangan pembangunan fizikal dan sosioekonomi sahaja. Hasil kajian mendapati bahawa limpahan pembangunan fizikal dan ekonomi telah berlaku dengan pesat di Pekan Parit Raja, iaitu dengan adanya pembinaan hotel dan bangunan perniagaan serta lebih banyak peluang pekerjaan telah diwujudkan. Dalam masa yang sama, Pekan Parit Raja turut menerima impak akibat pembinaan kemudahan asas, jalanraya, komunikasi yang moden serta perkembangan perkhidmatan yang lain. Perubahan pola guna tanah turut dikesan iaitu daripada aktiviti pertanian kepada komersil di sepanjang jalan termasuk dari Batu Pahat ke Ayer Itam. Justeru, diharapkan kajian ini dapat mempersembahkan bagaimana transformasi yang berlaku telah memberi impak dari segi positif dan negatif ke atas ruang landskap dan sosioekonomi masyarakat dan akhirnya menyumbang ke arah kualiti hidup masyarakat di masa-masa akan datang.

The relationship between human with the environment being since people are born. Interaction under control usually does not realize a major impact. However, in over condition any development from human sure provides impact to human and environment. Transformation is process or changes (could be place, economic,

* Corresponding author.

E-mail address: haryati@uthm.edu.my (Haryati Shafii)

developing and others), from one decadence and poor moving to good condition and development. This paper focus on issues transformation at Parit Raja, Johor, towards changes a socio economic landscape, and community of quality of life. The goal of this study want to looking of community of quality of life impact from transformation at this place included added physical, economic and social. This study using a qualitative approach, conducted an interview semi structure, with member from Majlis Perbandaran Batu Pahat, Johor and member of community. This study just focusing to physical development and socio economic only. The study recorded is major developing apply at Pekan Parit Raja including physical development and economic. For example, so many development as a hotel, business building, and a lot of job opportunities. In the same time, Pekan Parit Raja also received impact facilities construction, communication, road, and the development of services. Changes in the pattern of land use also received from palm activities to commercial along the road from Batu Pahat to Ayer Itam. This suggests that transformation gave a positive and negative in physical landscape and community socio economic, and lastly to donate towards a quality of life in future.

Keywords:

Transformasi, Pekan Parit Raja,
Kesejahteraan, Kualiti hidup
Transformation, Quality of life, Physical
landscape, Sosio economic

Copyright © 2017 PENERBIT AKADEMIA BARU - All rights reserved

1. Pendahuluan

Dewasa ini, peranan dan sumbangan bandar-bandar kecil kepada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosioekonomi untuk kawasan sekitarnya semakin menarik perhatian orang ramai untuk membicarakannya [1]. Apatah lagi dalam keadaan di mana ketika ini bandar-bandar besar dan utama serantau cuba membina kedudukan yang lebih kukuh dalam senarai bandar global. Sungguhpun demikian, tidak dapat disangkal bahawa kewujudan sesebuah bandar kecil di Malaysia adalah berkait rapat dengan faktor persekitaran yang mendominasi kepada aktiviti penduduk setempat. Aktiviti pertanian, perlombongan, menangkap ikan adalah antara aktiviti manusia yang berjaya mempengaruhi kewujudan sesebuah bandar di Malaysia.

Idea tentang pembangunan sebagai transformasi masyarakat telah mendapat bentuk yang moden dalam penulisan tokoh-tokoh sains sosial. Tokoh pengasas sosiologi moden ini adalah seperti Comte (1978-1857), Marx (1818-1883), Spencer (1820-1903), Durkheim (1858-1917) dan Weber (1864-1920) [2]. Mereka ini telah menggabungkan konsep pembangunan untuk menerangkan tentang sejarah manusia dan perubahan yang dialami secara berperingkat ke arah kemajuan [2]. Dalam konteks sosiologi pula, transformasi merupakan proses perubahan yang berkaitan dengan kehidupan manusia. Ia merupakan gabungan perubahan dari aspek sosial, ekonomi dan politik yang menjelaskan perubahan yang berlaku ke atas golongan manusia daripada satu keadaan kepada suatu keadaan yang lebih baik [3].

Proses transformasi sebenarnya wujud sejak manusia hadir ke muka bumi lagi. Namun, ianya berlaku secara perlahan-lahan dan tidak direkodkan secara rasmi. Manusia dipercayai telah wujud dan mendiami kawasan-kawasan tertentu sejak berjuta tahun yang lampau (melata seluruh dunia). Sepanjang tempoh tersebut pelbagai peristiwa telah berlaku (seperti peperangan) sehinggalah pada akhir abad ke -19 apabila berlakunya proses revolusi perindustrian di barat. Hal ini telah menyebabkan para ahli sosiologi menumpukan perhatian terhadap kewujudan bandar daripada

proses pembangunan [4]. Walaupun bandar dikatakan wujud daripada proses transformasi, namun kewujudannya tidak dapat dipastikan bagaimana, dan bilakah bandar mulai wujud.

Pada hakikatnya pada abad ke- 19 hingga abad ke -20 kebanyakan negara-negara di Asia telah mengalami proses pertumbuhan ekonomi dan perbandaran yang pesat. Keadaan ini disokong oleh perkembangan yang positif dari proses urbanisasi iaitu dari sektor perkilangan, perindustrian, perbandaran, pengangkutan dan peningkatan penduduk [5].

Meskipun transformasi dilihat membawa kepada perubahan yang positif, namun dalam masa yang sama, transformasi juga boleh membawa implikasi yang negatif kepada pembangunan kerana ketidaksediaan masyarakat dan persekitaran di situ dalam menerima pembangunan. Oleh yang demikian, sesebuah masyarakat perlu sentiasa bersedia dengan proses dan perubahan yang bakal berlaku di tempat mereka. Ini kerana tanpa perubahan, pembangunan dan transformasi, sesebuah kawasan akan terus ketinggalan dari arus pembangunan perdana [6].

Rumusny transformasi adalah sebarang perubahan yang berlaku dalam sesebuah masyarakat yang mencakupi aspek sosial, ekonomi dan fizikal adalah berdasarkan daripada satu keadaan yang kurang baik/kurang maju/ mundur kepada kepada suatu keadaan yang lebih baik/peningkatan/kemajuan.

2. Latar belakang kajian

Sejak merdeka, Malaysia melalui proses transformasi telah membangun dengan cuba memajukan negara dan masyarakatnya [1]. Pelbagai strategik dan plan pembangunan telah dibangunkan dan diusahakan yang telah digarapkan dengan teori pembangunan yang berkembang dan semasa. Banyak gagasan telah dibangunkan walaupun berkait pula dengan pembangunan wilayah [1]. Pun begitu, apa yang diperhatikan ialah pada asasnya pembangunan bandar-bandar kecil ini berkait juga dengan isu pembangunan kawasan dan wilayah kesejahteraan masyarakat bandar, negeri, dan negara kekal bertumpu terus ke kawasan bandar sahaja.

Pembangunan yang berlaku di kawasan luar bandar telah memainkan peranan yang penting pada hierarki petempatan luar bandar. Dengan kata lain, pembangunan kawasan luar bandar kini lebih menuju kepada peningkatan kualiti hidup masyarakatnya dan menjurangkan perbezaan yang ketara dalam masyarakat bandar. Fenomena transformasi jelasnya memberi implikasi kepada perubahan landskap fizikal dan struktur bandar samada fungsi bandar kecil tersebut terus berkembang atau merosot [1].

Konsep transformasi yang cuba diutarakan dalam kajian ini adalah dengan menfokuskan perubahan terhadap landskap sosioekonomi dan kesejahteraan hidup masyarakat di sesebuah bandar kecil. Ianya bermula sebagai bandar yang membekalkan keperluan hasil pertanian, peruncitan dan keperluan kecil penghuni di pedalaman telah berkembang kepada sebuah bandar kecil yang bukan sahaja membekalkan hasil pertanian, tetapi juga mengeluarkan produk-produk tertentu dengan adanya perusahaan dan kilang-kilang perindustrian, perkhidmatan sosial (pendidikan) dan ekonomi mengikut kehendak semasa. Mungkin jika dilihat pada skala keluasan kawasan bandar kecil, ianya tidak merebak hingga ke pedalaman. Tetapi ianya berkembang dan selari dengan kehendak dan keperluan penduduk mengikut ruang dan masa. Pendekatan ini membolehkan pemerhatian atau kajian dapat dijalankan melalui ruang dan masa dalam satu jangka masa singkat seperti dalam satu putaran harian, mingguan atau bulanan.

Transformasi selain daripada memberi kesan positif kepada pembangunan itu sendiri, ianya turut membawa pakej kepada perubahan masyarakat di kawasan tersebut. Menyorot perkembangan dan proses pembangunan bandar di Malaysia, [7] sebagai contoh pernah menyelurusi proses dan pembangunan bandar baru pusat pentadbiran persekutuan Putrajaya dan Cyberjaya yang

merupakan penyebab kepada pemindahan penduduk etnik India yang tinggal di Ladang Perang Besar dan beberapa buah ladang yang berhampiran ke tempat lain. Penempatan semula golongan minoriti ini telah menimbulkan pelbagai masalah sosial di kawasan kediaman mereka yang baru.

Manakala perkembangan bandar raya metropolitan Kuala Lumpur akibat globalisasi ekonomi dan perubahan landskap bandar pula memberi kesan ke atas kelompok minoriti iaitu penduduk setinggan dan Orang Asli. Golongan minoriti ini cenderung untuk terus tersisih dan terpinggir daripada arus perdana akibat proses globalisasi ekonomi.

Pendirian kajian ini yang ingin mengupas berkenaan topik “Transformasi Pekan Parit Raja Impak Terhadap Landskap Sosioekonomi dan Kesejahteraan Hidup Masyarakat” merupakan satu titik permulaan yang penting bertujuan melihat transformasi yang berlaku ke atas pekan kecil dan kesan ke atas masyarakat dan persekitarannya. Penelitian ini wajar dikaji bagi mengetahui bagaimana proses itu berlaku, apakah aspek-aspek yang mengalami perubahan/transformation dan kesan-kesan yang diterima oleh masyarakat setempat.

Kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif iaitu metodologi secara tinjauan dan temubual semi-struktur bersama pegawai daripada Majlis Perbandaran Batu Pahat dan ketua komuniti. Dapatan kajian diperolehi melalui kajian yang telah dijalankan sekitar Mac 2010 hingga Desember 2011. Adalah diharapkan dapatan ini akan merintis kepada penemuan kajian yang menyeluruh bagi melihat transformasi Pekan Parit Raja secara keseluruhan.

3. Sekilas pandang Pekan Parit Raja

Perkembangan pekan kecil ini berlaku sejak dari tahun 1960-an yang pada awalnya kegiatan penduduk lebih kepada sara diri iaitu kegiatan pertanian dan penternakan secara kecil-kecilan hanya untuk keperluan seharian sahaja [8]. Namun begitu, pada tahun 1980 Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor (PKENJ) telah membangunkan tiga kawasan perindustrian di daerah ini termasuklah Parit Raja [3].

Parit Raja merupakan sebuah pekan kecil yang terletak dalam kawasan perindustrian serta hanya 10 km daripada Lebuhraya Utara-Selatan. Kawasan ini dikatakan strategik kerana terletak di laluan utama penduduk dari bandar Batu Pahat ke Ayer Itam, iaitu hanya 14 km dari Ayer Itam dan 22 km dari bandar Batu Pahat. Faktor ini menjadi punca pembangunan yang pesat berlaku ditambah dengan kenaikan taraf jalan utama kepada dua laluan empat lorong yang mana pada ketika dahulunya jalan di pekan kecil ini hanya menggunakan jalan tanah merah [8]. Perubahan masa dengan peningkatan ekonomi Parit Raja pada masa kini menyebabkan bilangan penduduk yang masih aktif dengan aktiviti pertanian semakin merosot. Generasi muda kebanyakannya lebih gemar bekerja di kilang namun, masih ada golongan tua yang setia mengerjakan kebun [9]. Namun begitu, generasi muda tidak boleh disalahkan kerana mereka memerlukan satu jaminan masa depan, kerana tidak semua golongan ini mewarisi tanah pertanian daripada ibu bapa mereka.

Sehingga kini Pekan Parit Raja menjadi antara kawasan perindustrian utama di negeri Johor. Walaupun pembangunan ini kurang diberi perhatian namun tiada siapa yang dapat menafikan kawasan ini memberi sumbangan kepada negeri Johor dari aspek perindustrian, pertanian mahupun pendidikan [8]. Perkembangan ini memberi manfaat bukan sahaja kepada penduduk setempat dari segi peluang pekerjaan yang semakin meningkat, malah turut menjadi punca rezeki bagi penduduk yang berhijrah dan penduduk dari kawasan yang berhampiran [3]. Dengan kata lain, kemasukan penduduk secara beramai-ramai telah memesatkan pertumbuhan ekonomi di Pekan Parit Raja.

4. Perbincangan hasil kajian

4.1. Hasil temubual bersama ketua komuniti

4.1.1. Parit Raja: Suatu masa dahulu dan kini

Temubual telah dijalankan bersama beberapa orang wakil komuniti iaitu Penghulu Parit Raja yang turut mewakili Pejabat Daerah Batu Pahat, ketua kampung serta masyarakat setempat. Kaedah ini digunakan untuk mendapatkan maklumat dan pandangan berkaitan dengan Pekan Parit Raja dari segi sejarah pembangunan dan perkembangan semasa yang merangkumi aspek sosial dan ekonomi penduduk setempat.

Walaupun tiada catatan atau laporan rasmi yang diterbitkan mengenai perkembangan Pekan Parit Raja, namun terdapat sumber dari masyarakat setempat yang boleh dijadikan sumber rujukan. Beliau merupakan antara susur galur kepada individu yang awal membuka kawasan Parit Raja iaitu Haji Nawawi. Daripada temubual yang dilakukan, beliau menyatakan bahawa penduduk di Parit Raja adalah terdiri masyarakat Melayu berketurunan Jawa dan sebahagian kecilnya adalah penduduk yang bukan beragama Islam. Selain itu, tidak ramai masyarakat Cina yang menetap di Parit Raja. Ini menunjukkan bahawa kaum bukan Melayu merupakan golongan minoriti di pekan ini.

Menurut temubual itu lagi, perkembangan penduduk di kawasan Parit Raja berlaku apabila terbinanya satu jalanraya yang menghubungkan antara bandar Penggaram ke Kluang melalui Parit Raja dan Ayer Itam seperti mana yang dititahkan oleh Sultan Ibrahim pada tahun 1911. Selain itu, perkembangan penduduk terus berkembang selepas Perang Dunia Kedua terutamanya selepas pemerintahan tentera Jepun di Tanah Melayu. Kebanyakan penduduk berhijrah dari Mukim Simpang Kanan, Mukim Tanjung Sembrong dan dari Kluang dan Muar [10].

Hasil daripada temubual tersebut mendapati beberapa aspek perkembangan awalan di Parit Raja dapat dilihat iaitu meliputi sektor pertanian, perindustrian, perniagaan, perhubungan dan pendidikan. Menurut beliau lagi, semua aspek tersebut saling mempengaruhi dalam membentuk pembangunan di Parit Raja ditambah pula dengan kecekapan dari pemerintah dan bantuan kewangan yang diterima sejak dahulu lagi.

4.1.2. Aktiviti pertanian

Sektor pertanian di Parit Raja merupakan sektor yang penting dari segi sumbangan ekonomi, jumlah penggunaan tanah dan penglibatan penduduknya. Bersesuaian dengan kedudukan topografi Parit Raja yang bertanah rendah, maka kegiatan pertanian menjadi agenda utama dalam pembangunan ekonomi kawasan ini sejak tahun 1960 lagi. Pada mulanya kebanyakan penduduk menjadikan sektor ini sebagai pekerjaan utama di mana mereka mengusahakan tanaman getah, nenas, dan lada hitam secara persendirian. Namun, bermula tahun 1970-an tanaman getah dan nenas telah digantikan dengan kelapa sawit di mana pekebun-pekebun kecil telah menukar syarat tanah dari tanaman getah kepada kelapa sawit [11].

4.1.3. Aktiviti perindustrian

Perindustrian mula mengambil tempat di Parit Raja pada awal tahun 1980-an dan pada ketika itu keluasan bagi kawasan industri adalah 37.64 hektar. Sebanyak lima buah kilang telah membuka operasinya mulai tahun 1982 yang memberi peluang pekerjaan kepada 692 orang pekerja [8]. Fujitsu Component (M) Sdn. Bhd. merupakan sebuah syarikat yang mengeluarkan barangan elektromagnet, komputer dan barang-barang elektrik. Pelabur luar dan tempatan turut berminat untuk melabur di

kawasan ini antaranya adalah Harta Packaging Industri Sdn. Bhd., Evergreen Fibreboard Sdn. Bhd., Evergreen Milded Panels Sdn. Bhd., Chiga Light Industries Sdn. Bhd., Beauty Electronic Embroiding Centre Sdn. Bhd. dan Emi Sdn. Bhd. Hasil-hasil industri bukan sahaja untuk bekalan dalam negeri malah turut di eksport ke luar negara.

4.1.4. Aktiviti perniagaan

Penubuhan Koperasi Pasar Parit Raja sebelum tahun 1948 oleh Haji Mohamed Hj Nawawi telah menjadi pemangkin untuk masyarakat Melayu bergiat cergas dalam perniagaan di Parit Raja. Menurut Penghulu Parit Raja, koperasi ini adalah antara koperasi tertua di Malaysia. Di peringkat awal perniagaan yang dijalankan ialah hampir 80 peratus berpunca daripada hasil-hasil kampung, 10 peratus dari jenis makanan dan 10 peratus lagi adalah pakaian. Jumlah kewangan syarikat yang berakhir pada Januari 1983 adalah RM800.00. Bagaimanapun mengikut rekod kewangan pada akhir Disember 2002, ianya semakin menunjukkan peningkatan yang ketara iaitu hingga mencecah RM88,000.00, ini tidak termasuk aset-aset lain seperti tanah dan rumah kedai. Pada tahun 1990-an, telah berlaku perubahan dari segi perniagaan iaitu lebih ramai bangsa Cina membuka premis perniagaan.

4.1.5. Laluan dan perhubungan

Perkembangan perhubungan bermula sejak era pembukaan Parit Raja pada tahun 1912. Sebelum negara mencapai kemerdekaan, jalan sungai merupakan jalan pengangkutan utama untuk menjalankan urusan ekonomi bagi penduduk di kawasan Parit Raja. Menjelang tahun 1940, wujud satu sistem rangkaian jalanraya yang menghubungkan Batu Pahat dengan daerah-daerah dan negeri lain. Keadaan ini berterusan apabila menjelang tahun 1946, pembinaan jalanraya khususnya di kawasan luar bandar giat dijalankan bagi kegunaan basikal dan motorsikal selebar empat kaki [12].

Dengan pembinaan jalanraya yang menghubungkan Parit Raja dengan Bandar Penggaram ia telah menggalakkan pertumbuhan syarikat perkhidmatan bas awam yang beroperasi di daerah ini. Perkhidmatan bas awam ini diperluaskan lagi pada bulan Julai 1964 apabila bas-bas tersebut memberikan perkhidmatan di Parit Raja. Menjelang tahun 2000, rangkaian jalanraya di Parit Raja semakin baik apabila jalan dua lorong menjadi kepada empat lorong.

4.1.6. Aktiviti pendidikan

Sistem pendidikan rasmi yang pertama di Pekan Parit Raja bertapak dengan pembukaan sekolah pertama pada tahun 1925 iaitu Sekolah Melayu Pintas Puding yang terletak di Kampung Parit Sempadan. Sekolah ini merupakan sekolah awal jika dibandingkan dengan sekolah-sekolah agama, jenis Cina, Tamil dan Inggeris. Pada tahun 1957, Sekolah Melayu Pintas Puding ditukar namanya kepada Sekolah Umum Pintas Puding dan pada tahun 1972, nama sekolah ini sekali lagi ditukar kepada Sekolah Kebangsaan Pintas Puding. Dengan pembukaan sekolah tersebut menunjukkan bahawa minat masyarakat di Mukim Sri Gading terutamanya di Pekan Parit Raja telah wujud terhadap kepentingan pendidikan walaupun pada ketika itu ianya belum menyeluruh. Manakala, sekolah menengah yang pertama dibuka di Parit Raja adalah pada tahun 1965 iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Parit Raja atau kini ditukar nama kepada Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Ismail.

5. Transformasi Pekan Parit Raja

5.1. Hasil temubual bersama pegawai dari majlis perbandaran Batu Pahat

Kajian ini masih lagi di peringkat awalan bagi meneliti sejauhmana berlakunya limpahan pembangunan di Pekan Parit Raja, ekoran tekanan pembangunan di persekitaran. Kajian tinjauan yang telah dijalankan berjaya mengenalpasti berlakunya rebakan pembangunan, perbandaran dan fungsi Pekan Parit Raja itu sendiri iaitu dengan adanya kegiatan ekonomi yang semakin berkembang. Pusat atau nadi utama Pekan Parit Raja adalah terletak pada persimpangan empat iaitu di 'Traffic Light' yang mana ianya menghubungkan pekan tersebut (simpang tiga) dengan Pekan Air Hitam, Bandar Batu Pahat, Bandar Pontian dan persekitarannya.

Kini Pekan Parit Raja menjadi semakin sibuk ekoran pertambahan jumlah kenderaan dan penduduk yang berhijrah sama ada dari dalam dan luar negara. Selain itu juga, terdapat bangunan-bangunan baru telah dibangunkan. Contohnya kini, Pekan Parit Raja menawarkan kemudahan Hotel Budget iaitu "Hotel D Impian" dan homestay. Selain itu, antara kesan pembangunan yang ketara di pekan ini ialah apabila terdapatnya pembangunan yang pesat sebuah pusat pengajian tinggi iaitu UTHM. Seperti yang dibincangkan sebelum ini bahawa kewujudan universiti ini cukup terkesan dari segi transformasi yang melanda Pekan Parit Raja. Ianya bukan sahaja bertanggungjawab membawa masuk golongan penghijrah dari dalam negara bahkan hingga peringkat antarabangsa apabila terdapatnya aliran kemasukan pelajar-pelajar dari luar negara seperti dari Yaman, Sudan, Nigeria, Indonesia dan Negara-negara Arab. Walaupun mereka bukan permastautin tetap di pekan ini, tetapi kemasukan mereka, telah memberi impak yang signifikan dari segi permintaan terhadap sumber, kemudahan sosial dan ekonomi yang semakin meningkat. Kedudukan UTHM hanyalah 2 km dari Pekan Parit Raja (kampus induk) dan kampus bandar pula terletak di dalam Pekan Parit Raja.

5.2. Transformasi: Perkembangan dan pembangunan landskap fizikal

Berdasarkan temubual kajian mendapati berlaku perubahan ruang ekonomi yang sangat ketara di kawasan Parit Raja. Selain lanskap fizikal, lanskap budaya di Parit raja turut mengalami transformasi akibat pembinaan kemudahan asas, jalanraya, komunikasi yang moden serta perkembangan perkhidmatan yang lain. Perubahan guna tanah daripada pertanian kepada bangunan yang menempatkan pelbagai aktiviti ekonomi serta rumah kediaman dapat diperhatikan di sepanjang jalan termasuk dari Batu Pahat ke Ayer Itam. Jadual 1 menunjukkan had pembangunan Parit Raja dari tahun 1998 sehingga 2003.

Melihat kepada tren had pembangunan antara tahun 1998 sehingga tahun 2003 bagi enam kawasan di daerah Batu Pahat, didapati Parit Raja telah menunjukkan peningkatan pembangunan sebanyak 2.51 peratus berbanding peningkatan Bandar Penggaram yang merupakan bandar utama hanya 0.61 peratus sahaja.

Jadual 1

Had pembangunan Parit Raja dari tahun 1998 sehingga 2003 [13]

Blok Perancangan	Keluasan (hektar) tahun 1998 - 2000	Keluasan (hektar) tahun 2001 - 2003	Peratus (%) Peningkatan
Penggaram	3547.4	5661.36	0.60
Parit Raja	557.0	1957.75	2.51
Rengit	272.8	647.00	1.37
Senggarang	112.2	171.71	0.53
Semerah	160.3	168.95	0.05
Tongkang Pechah	409.9	662.69	0.62

Pembangunan pesat daerah Batu Pahat telah memberi kesan baik kepada pembangunan yang berada di bawah pentadbiran yang sama. Ini memudahkan Parit Raja, Rengit, Senggarang, Tongkang Pechah, Semerah dan Sri Gading menikmati pengagihan pembangunan. Lingkaran tengah dan lingkaran luar yang dicadangkan dalam kawasan Rancangan Tempatan Daerah (RTD) adalah sebagai laluan baru yang menghubungkan Tongkang Pechah, Gunung Banang, Peserai dan Sri Gading. Selain daripada meningkatkan kemudahnya, lingkaran tengah ini juga digunakan untuk penyuraian trafik iaitu kenderaan tidak perlu ke bandar Penggaram untuk ke kawasan lain. Lingkaran tengah ini juga akan dapat membawa pembangunan dan menaikkan nilai tanah di kawasan sekitarnya.

5.3. Transformasi: Perubahan terhadap landskap struktur penduduk kawasan Parit Raja

Perubahan ekonomi yang berlaku di kawasan Parit Raja umumnya telah mewujudkan banyak peluang pekerjaan. Keadaan ini telah menggalakkan berlakunya migrasi penduduk ke Parit Raja. Merujuk Jadual 2, dilihat kedudukan Parit Raja yang terletak di dalam Mukim Sri Gading menunjukkan peningkatan jumlah penduduk yang agak mendadak dalam tempoh 10 tahun iaitu antara tahun 1991 hingga 2000 iaitu sebanyak 3.26 peratus. Ini menjelaskan bahawa faktor perkembangan ekonomi dan limpahan peluang pekerjaan mendorong kepada migrasi berlaku.

Jadual 2

Unjuran penduduk mengikut mukim [13]

Mukim	1980	1991	2000	Kadar Peningkatan (%)	
				1980-1991	1991-2000
Bagan	6,858	7,246	7,648	0.50	0.60
Chaah Baru	6,262	6,712	6,016	0.63	-1.21
Kampung Baru	11,695	11,070	10,627	-0.49	-0.25
Linau	12,264	13,885	14,988	1.13	0.85
Lubok	7,838	6,954	6,959	-1.08	0.01
Minyak Beku	18,750	17,869	16,724	-0.44	-0.73
Peserai	5,589	7,379	8,961	2.56	2.18
Simpang Kanan	87,851	101,810	118,633	1.35	1.71
Simpang Kiri	16,255	16,704	20,856	0.25	2.55
Sri Gading	30,284	33,989	45,639	1.05	3.26
Sri Medan	18,422	19,641	21,687	0.58	1.10
Sungai Kluang	15,900	15,333	16,266	-0.33	0.65
Sungai Punggor	9,895	9,395	9,654	-0.47	0.30
Tanjung Sembrong	26,438	27,477	31,651	0.35	1.58
Jumlah	274,301	295,474	336,509	0.68	1.46

Data daripada Jadual 2, disokong oleh Jadual 3 iaitu menunjukkan taburan penduduk di Parit Raja mempunyai unjuran populasi sebanyak 3,024 orang penduduk pada tahun 2000, hasil perkembangan pembangunan sosioekonomi yang positif di Parit Raja [14]. Didapati bahawa dalam tempoh 10 tahun unjuran penduduk semakin meningkat menjadi 11,512 orang penduduk. Manakala peningkatan unjuran penduduk antara tahun 2010 hingga 2020 dijangka adalah sekitar 20,000 orang penduduk dengan peningkatan sebanyak 9.9 peratus. Keadaan ini membuktikan Parit Raja telah mengalami perubahan hierarki pusat petempatan iaitu dari Pusat Petempatan Kecil pada tahun 1987 dan 1998 dan dijangka akan beralih kepada Pusat Separa Wilayah Negeri menjelang tahun 2020 dengan unjuran penduduk yang dijangka berlaku.

5.4. Transformasi: Landskap corak pembangunan guna tanah kawasan Parit Raja

Parit Raja yang terletak dalam Zon Barat daerah Batu Pahat merangkumi kawasan seluas 1,957.751 hektar atau 1.80 peratus daripada keluasan kawasan MPBP. Dalam Laporan Pemeriksaan Rancangan-rancangan Struktur MDBPB, MDBPT, PBPTDBP (1989), guna tanah Parit Raja hanya melibatkan keluasan sebanyak 104.34 hektar di mana 32.87% dalam keadaan tanah kosong dan diikuti dengan penggunaan tanah dari segi pertanian yang melibatkan sebanyak 20.80%, kawasan guna tanah untuk institusi ialah 13.71% pada tahun 1987.

Jadual 3

Unjuran penduduk Parit Raja tahun 2000-2020 [13]

Kawasan	Penduduk sebenar		Unjuran				Peratus (%) peningkatan
	1991	2000	2005	2010	2015	2020	
Penggaram	5,329	79,421	88,382	97,344	106,305	115,266	1.88
Yong Peng	6,745	5,023	9,610	14,196	18,783	23,370	7.80
Parit Raja	2,561	3,024	7,268	11,512	15,756	20,000	9.90
Ayer Itam	3,149	4,210	6,121	2,571	9,943	11,854	5.31

Merujuk kepada Majlis Perbandaran Batu Pahat [14], guna tanah yang sedia ada dan ditetapkan ialah 547.251 hektar. Potensi pembangunan kawasan guna tanah Parit Raja untuk industri, perniagaan dan perkhidmatan serta institusi kemudahan masyarakat ialah 1009.725 hektar bagi tempoh 10 tahun lagi. Didapati guna tanah terbesar adalah melibatkan kediaman dengan keluasan 1,345.29 hektar atau 68.71 peratus. Ini menunjukkan pembangunan yang pesat sedang dan bakal dijalankan di Parit Raja. Pembangunan yang berlaku juga disebabkan oleh kedudukan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dalam Parit Raja, ini turut disokong dengan kawasan perindustrian Parit Raja yang turut dicadangkan sebagai kluster bagi industri elektrik dan elektronik.

5.5. Transformasi: Perubahan landskap guna tanah semasa di Parit Raja

Secara umumnya, pembangunan di Parit Raja pada tahun 1998 sehingga 2000 dihadkan kepada 557.251 hektar sahaja supaya guna tanah dilakukan secara terancang dan teratur, memudahkan penyediaan infrastruktur dan kemudahan awam. Guna tanah yang dibenarkan adalah bagi sektor kediaman, perdagangan, perindustrian, institusi, pengangkutan serta kemudahan sosial dan kemasyarakatan. Kelulusan yang dibuat di luar kawasan had pembangunan hanya dibenarkan berdasarkan kepada pertimbangan khusus dan terperinci seperti projek-projek kerajaan yang memberi manfaat kepada kawasan pembangunan sekitar. Jadual 4 menunjukkan guna tanah semasa di kawasan Parit Raja bagi tahun 1998 sehingga tahun 2000.

Jadual 4

Guna tanah semasa Parit Raja tahun 1998 hingga 2000 [14]

Jenis guna tanah	Keluasan (hektar)	Peratus (%)
Kediaman	225.453	40.46
Industri	36.048	6.47
Institusi	91.134	16.35
Perdagangan	34.823	6.23
Tanah lapang	4.660	0.84
Pengangkutan	153.836	27.61
Infrastruktur dan utiliti	11.297	2.03
Jumlah	557.251	100

Namun begitu, di dalam Rancangan Tempatan Daerah Batu Pahat 2002 hingga 2020, kawasan Parit Raja telah diletakkan di dalam Blok Perancangan 9 (BP 9 Parit Raja) seperti yang dijelaskan dalam Jadual 5. Di dalam kawasan RTD ini, BP 9 Parit Raja telah diperluaskan iaitu pada bahagian timur dipanjangkan sehingga sempadan Majlis Daerah Yong Peng (Parit Botak) manakala pada bahagian selatan dipanjangkan sehingga lapisan kedua (Parit Lapis No. 2). Perluasan ini mengambilkira beberapa pembangunan yang telah ditetapkan di kedua-dua kawasan tersebut.

Jadual 5

Cadangan guna tanah Parit Raja tahun 2002 hingga 2020 [13]

Jenis guna tanah	Keluasan (hektar)	Peratus (%)
Kediaman	1345.29	68.71
Industri	36.048	1.84
Institusi	302.459	15.45
Perdagangan	99.055	5.06
Tanah lapang	9.916	0.50
Pengangkutan	153.836	7.86
Infrastruktur dan utiliti	11.297	0.58
Jumlah	557.251	100

5.6. Guna tanah kediaman

Guna tanah kediaman turut menunjukkan peningkatan di Parit Raja. Guna tanah kediaman adalah yang tertinggi berbanding guna tanah yang lain iaitu seluas 68.71 peratus bagi tahun 2001 hingga 2003. Ini telah menunjukkan peningkatan ke atas keperluan kediaman bagi menampung limpahan penduduk yang datang berhijrah ke Parit Raja yang semakin meningkat. Maklumat yang diperolehi daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Batu Pahat (JPPH) berkaitan jumlah unit kediaman dan skim perumahan yang telah diluluskan di Parit Raja mulai tahun 1998 hingga 2003 adalah seperti berikut dalam Jadual 6 dan Jadual 7.

Jadual 6

Skim perumahan dan jumlah unit di Parit Raja tahun 1998 hingga 2000 [15]

Skim perumahan	Jumlah (unit)
Belah bagi lot 32	153
Taman Budiman	55
Taman Intan	44
Taman Jaya	70
Taman Kristal	253
Taman Maju	219
Taman Maju Baru	169
Taman Parit Raja	164
Taman Ria	125
Taman Robena	88
Taman Sedap	66
Taman Sri Indah	93
Taman Sri Raja	253
Taman Teratai Jaya	82
Jumlah	1,834

Pekan Parit Raja juga memainkan peranan penting dalam menyediakan perkhidmatan dan kemudahan runcit dan domestik. Ruang bagi pembangunan perdagangan diagihkan ke kawasan-kawasan kecil yang berpotensi untuk membangun dan berkembang. Kebanyakan guna tanah perdagangan tertumpu di Pekan Parit Raja dan skim perumahan sekitar seperti ditunjukkan dalam Jadual 8.

Jadual 7

Skim perumahan dan jumlah unit di Parit Raja dari tahun 2001-2003 [15]

Skim perumahan	Jumlah (unit)
Belah bagi lot 32	153
Taman Budiman	55
Taman Intan	44
Taman Jaya	70
Taman Kristal	253
Taman Maju	219
Taman Maju Baru	169
Taman Parit Raja	164
Taman Ria	125
Taman Robena	88
Taman Sedap	66
Taman Sri Indah	93
Taman Sri Raja	253
Taman Teratai Jaya	82
Jumlah	1,834

Jadual 8

Skim perdagangan dan jumlah unit bangunan komersil di Parit Raja tahun 1998 hingga 2000

Lokasi skim perdagangan	Jumlah (unit)
Pekan Parit Raja	42
Taman Jaya	13
Taman Kristal	18
Taman Maju	25
Jumlah	98

(Sumber: Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Bina Batu Pahat, 2004) [15]

Keluasan guna tanah perdagangan pada tahun 2001 hingga 2003 adalah seluas 99.055 hektar, berbanding pada akhir tahun 2000 sejumlah 34.823 hektar. Guna tanah perdagangan ini adalah bangunan komersial yang beroperasi sebagai bangunan-bangunan perniagaan dan pejabat. Bangunan ini kebanyakan adalah jenis bangunan dua tingkat. Letakan bangunan ini bertumpu di tepi-tepi jalan utama, Jalan Kluang-Ayer Itam. Bangunan ini berfungsi atau digunakan sebagai pejabat swasta. Selain itu, ia juga digunakan sebagai bangunan perniagaan seperti syarikat peralatan kenderaan, farmasi, restoran, pusat tuisyen dan pasaraya. Jadual 9 menunjukkan skim perdagangan dan jumlah unit di Parit Raja bagi tahun 2001 hingga 2003.

Jadual 9

Skim perdagangan dan jumlah unit di Parit Raja tahun 2001 hingga 2003
[15]

Lokasi skim perdagangan	Jumlah (unit)
Pekan Parit Raja	42
Bandar Universiti	798
Kolej Kediaman Perwira	11
Taman Cempaka Biru	89
Taman Kelisa Jaya	13
Taman Manis 3	10
Taman Waja	10
Jumlah	957

5.7. Guna tanah industri

Secara umumnya, sehingga kini terdapat sembilan kawasan perindustrian yang terletak di dalam kawasan Batu Pahat. Terdapat tiga kawasan perindustrian yang telah dimajukan Perbadanan Kemajuan Negeri Johor (PKNJ) iaitu di Kawasan Perindustrian Tongkang Pechah, Parit Raja dan Sri Gading. Selain pihak PKNJ, kawasan perindustrian di dalam kawasan ini juga didirikan oleh pihak swasta seperti Kawasan Perindustrian Parit Sulong, Wawasan Kota Murni, Damai Plus, Emas Jaya dan Ringan Beroleh.

Bagi kawasan Perindustrian di Parit Raja terdapat lima jenis perindustrian seperti ditunjukkan dalam Jadual 10. Industri tekstil dan pakaian merupakan industri yang terbanyak iaitu sebanyak enam. Ini diikuti dengan industri yang berkaitan pemprosesan seperti makanan dan kotak sebanyak lima. Industri yang berkaitan perabot terdapat dua, manakala industri yang berasaskan elektrik dan elektronik pula sebanyak dua. Sebanyak dua buah industri berkaitan dengan perkayuan, papan dan sawmill yang terdapat di dalam Kawasan Perindustrian Parit Raja.

Jadual 10

Jenis dan bilangan perindustrian di Parit Raja [12]

Jenis perindustrian	Bilangan perindustrian (buah)
Tekstil / pakaian	6
Papan / perkayuan	2
Perabot	1
Elektrik / elektronik	2
Lain-lain	5
Jumlah	16

5.8. Guna tanah institusi dan kemudahan masyarakat

Bagi mewujudkan kehidupan masyarakat yang selamat dan selesa, kemudahan masyarakat juga disediakan mengikut keperluan dan permintaan semasa dan akan datang. Berikut merupakan bilangan kemudahan masyarakat yang sedia ada di kawasan Parit Raja (Jadual 11). Merujuk kepada jadual tersebut, kemudahan surau adalah yang terbanyak terdapat di Parit Raja. Keadaan ini disebabkan oleh penduduk di Parit Raja dipelopori oleh masyarakat Melayu-Jawa beragama Islam.

Jadual 12

Bilangan kemudahan sedia ada di kawasan Parit Raja [14]

Jenis kemudahan	Jumlah (unit)
Tadika	3
Sekolah rendah	1
Sekolah menengah	2
Sekolah agama	1
Institusi pendidikan	2
Masjid	2
Surau	5
Tapak perkuburan	3
Balai raya	4
Dewan orang ramai	1
Jumlah	24

Berdasarkan maklumat MPBP, keluasan guna tanah institusi dan kemudahan masyarakat pada tahun 1998 hingga 2000 adalah seluas 91.134 hektar termasuk tapak sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) iaitu UTHM. Namun begitu, selepas tahun 2000 iaitu tahun 2001 hingga 2003 seluas 302.459 hektar keluasan guna tanah institusi telah diperuntukkan bagi menampung tambahan tapak kampus UTHM seluas 200 hektar yang terletak di belakang kampus sedia ada. Peningkatan sebanyak 211.33 hektar ini menunjukkan MPBP berusaha dan komited untuk menjadikan Parit Raja sebuah bandar universiti yang dilengkapi dengan pelbagai jenis kemudahan masyarakat yang lengkap bagi menampung peningkatan penduduk yang semakin bertambah dari hari ke hari.

5.9. Guna tanah infrastruktur dan utiliti

Kawasan RTD memperuntukkan kemudahan infrastruktur dan utiliti berdasarkan keperluan untuk masa depan bagi memenuhi keperluan tambahan penduduk menjelang tahun 2020 di pekan Parit Raja. Kawasan infrastruktur dan utiliti Parit Raja meliputi kawasan seluas 11.297 hektar iaitu 0.58 peratus pada tahun 2001 hingga 2003. Secara umumnya, infrastruktur dan utiliti merangkumi beberapa komponen yang terdiri seperti berikut:

- 1) Bekalan air
- 2) Bekalan elektrik
- 3) Telekomunikasi
- 4) Pengairan dan saliran
- 5) Pelupusan sisa pepejal
- 6) Pembentungan

Pihak MPBP berusaha memastikan bekalan elektrik, air, telekomunikasi diperluaskan ke seluruh kawasan sekitar. Ini secara tidak langsung akan memberi faedah kepada penduduk sekitar untuk menikmati kemudahan asas dengan mudah, selesa dan terjamin. Bagi memastikan sistem pembentungan lebih baik, terkawal, selamat dan bersih, setiap had pembangunan harus terdapat satu tapak rawatan sisa berpusat. Secara langsung ia dapat membantu mengelakkan ancaman kepada kesihatan awam dan alam sekitar.

6. Perbincangan

Berdasarkan hasil dapatan kajian daripada tembual bersama responden didapati bahawa transformasi yang berlaku di Pekan Parit Raja telah berlaku dengan pesat sejak kebelakangan ini. Transformasi yang berlaku adalah mencakupi ruang fizikal dan sosioekonomi. Transformasi yang

berlaku dari ruang fizikal telah merubah landskap fizikal pekan tersebut menjadi lebih padat dengan bangunan komersial dan perumahan. Manakala transformasi dari aspek ekonomi melihat perubahan dari segi peningkatan sektor perkhidmatan (hotel, institusi kewangan) yang ditawarkan. Ini secara tidak langsung telah meningkat dan membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.

Melihat kepada pelan pembangunan di Pekan Parit Raja, kajian mendapati pekan ini telah dibangunkan dengan melihat kepada desakan dan permintaan ekoran pembinaan sektor pengajian tinggi iaitu UTHM. Naik taraf UTHM daripada kolej universiti, telah memacu sektor ekonomi di Parit Raja, ekoran penghijrahan penduduk dari luar negara dan dalam negara. Ini dapat dibuktikan dengan pertambahan permintaan untuk sektor perumahan, perkhidmatan sosial, kebajikan, pendidikan dan sebagainya. Hasil dapatan ini disokong dengan kajian yang turut dijalankan [1], dalam kajiannya di Koridor Kemaman-Dungun yang bersetuju bahawa transformasi yang berlaku di desa telah membawa kesan kesejahteraan sosial melalui peningkatan terhadap permintaan dan penawaran rumah kediaman, selain daripada fungsi dan peranan kawasan tersebut menjadi lebih moden.

Majlis Perbandaran Batu Pahat, merupakan pihak berkuasa yang bertanggungjawab dan penting dalam memastikan pelan pembangunan yang telah digariskan di Parit Raja dijalankan dengan jayanya. Unjuran penduduk yang semakin meningkat ekoran penghijiran penduduk yang semakin melonjak bukan sahaja memerlukan ruang petempatan yang baharu, bahkan memberi cabaran kepada penduduk setempat dan tadbirurus dalam mendepani transformasi yang memberi kesan besar ke atas ekonomi, sosial, budaya dan alam sekitar di Parit Raja.

7. Kesimpulan

Berdasarkan penelitian yang telah dijalankan, kajian ini merumuskan bahawa secara keseluruhannya Pekan Parit Raja telah mengalami kepesatan pembangunan ekoran transformasi yang berlaku dan telah merubah landskap sosioekonomi dan meningkatkan kesejahteraan hidup penduduknya. Arus pembangunan yang melanda kawasan ini terus merubah wajah pekan ini iaitu daripada kawasan paya yang luas dan pokok kelapa sawit suatu masa dulu kini semakin bertukar kepada kawasan perumahan dan pusat perniagaan. Perubahan ini sudah pasti turut menuntut fungsi ekonomi dan sosial yang lebih meluas bagi memenuhi keperluan dan kehendak semasa penduduk.

Kewujudan sektor perindustrian dan perkhidmatan yang lain telah membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk dan sekaligus menjana dan meningkatkan pendapatan mereka. Perubahan yang berlaku di pekan ini sebenarnya menunjukkan persamaan seiring dengan proses yang berlaku di bandar-bandar besar yang lain. Apa yang jelas, hasil perkembangan ekonomi ini telah meningkatkan pertambahan penduduk yang sangat ketara. Disebalik keadaan ini, kegiatan ekonomi tradisional terutamanya pertanian menjadi semakin kurang penting dan kurang diminati oleh generasi muda ekoran berkembangnya ekonomi moden. Maka dengan ini jelaslah bahawa hasil transformasi yang berlaku di Pekan Parit Raja bukan sahaja meletakkan pekan kecil ini sebagai kawasan yang semakin penting bahkan telah berjaya melonjakkan pertumbuhan dan perkembangan sosioekonomi penduduk di kawasan sekitarnya.

Penghargaan

Penghargaan terima kasih kepada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia yang telah meluluskan geran jangka pendek bagi menyiapkan kajian ini. Terima kasih juga kepada penduduk sekitar Parit Raja, Johor yang telah memberikan kerjasama sepanjang menjalankan penyelidikan ini.

Rujukan

- [1] Hadi, Abdul Samad Hj Abdul. *Mencari kelestarian bandar kecil*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006.
- [2] Rahimah Aziz. *Pengantar Sosiologi Pembangunan*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001.
- [3] Katiman Rostam. *Dasar Strategi Petempatan dalam Pembangunan Negara*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2001.
- [4] Hamidi Ismail, and Haryati Shafii. *Pembangunan bandar dan kemerosotan habitat manusia*. Dlm. (Pnyt.) Hamidi Ismail & Tuan Pah Rokiah Syed Hussain. *Habitat Manusia Dan Pengurusannya*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2016.
- [5] Mohd Hairy Ibrahim, and Jamaluddin Md Jahi. *Perubahan iklim bandar dalam tempoh 1970-2000 di Banda raya Ipoh*. Dlm. (Pnyt.) Mohd Hairy Ibrahim, Haryati Shafii & Koh Liew See. *Pengaruh Cuaca Dan Iklim Terhadap Manusia Dan Persekitarannya: Isu dan cabaran*. Batu Pahat Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 2015.
- [6] Miskam, Nurasyikin, and Haryati Shafii. "Transformasi pembangunan luar bandar: kesan ke atas kesejahteraan hidup masyarakat." (2013).
- [7] Rostam, Katiman, Abdul Rahim Md Nor, Er Ah Choy, Zaini Sakawi, Hasan Mohd Nor, and Rosniza Aznie. "Impak pembangunan Bandar Baru Nusajaya Wilayah Iskandar Malaysia terhadap kesejahteraan hidup penduduk asal setempat." *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space* 7, no. 5 (special) (2011): 14-28.
- [8] Ahmad Naim Tahir. *Kemajuan Pekan Parit Raja Membanggakan*. Berita Harian: Kuala Lumpur, 2006.
- [9] Ismail Mohamad. *Temubual bersama pada Ismail Mohamad, cucu kepada individu pertama yang membuka kawasan Parit Raja pada*, 13 Julai 2011.
- [10] Jamian Gimam. *Perkembangan Pelajaran dan Kesihatan di Mukim Sri Gading, Batu Pahat antara 1957-1975*. Latihan Ilmiah Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 1978.
- [11] Jabatan Pertanian Johor, Laporan Dasar Pertanian Negeri Johor, 1988.
- [12] Pejabat Kerajaan Johor, Kemajuan Johor 1961, Johor Bahru, 1962.
- [13] Majlis Perbandaran Batu Pahat. *Draf Rancangan Tempatan Daerah Batu Pahat 2002-2020*, 2004.
- [14] Masyarakat, Garis Panduan Perancangan Kemudahan. "Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia." *Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan* (2013).
- [15] Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta. *Data Transaksi Harta Tanah Daerah Batu Pahat*, 2004.